



**NOTIS MAKLUMAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SESI 2025/2026**

PEMBETULAN PENDAFTARAN KURSUS BAGI SEMESTER 2 SESI 2025/2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia ingin mengingatkan bahawa tempoh **Pembetulan Pendaftaran Kursus (Tidak Berdenda)** adalah sehingga **31 Mac 2026** manakala tempoh **Pembetulan Pendaftaran Kursus (Berdenda)** adalah pada **1 hingga 3 April 2026**.
2. Mahasiswa adalah dinasihatkan untuk **mengambil tindakan sewajarnya** dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan.
3. Pelajar yang mempunyai **sebarang masalah pendaftaran** hendaklah **merujuk kepada Pejabat Akademik fakulti masing-masing**.
4. Mahasiswa juga disarankan untuk sentiasa **menyemak portal rasmi universiti (MyUTM Portal)** dari semasa ke semasa bagi mengetahui **kekosongan kursus atau seksyen yang ditawarkan**, memandangkan kekosongan kursus atau seksyen adalah tertakluk kepada perubahan semasa dan boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa notis awal.
5. Pelajar yang masih **belum selesai mendaftar kursus Elektif Bebas (EB)** hendaklah **memaklumkan kepada Pejabat Akademik fakulti** masing-masing supaya data dapat dikumpulkan untuk tindakan lanjut oleh pihak fakulti.
6. Pelajar yang **berjaya membuat pembetulan pendaftaran kursus** melalui MyUTM Portal adalah dimaklumkan bahawa **slip pendaftaran kursus** akan **dikemas kini secara automatik** melalui sistem. Sehubungan itu, pelajar diminta untuk sentiasa **menyemak slip pendaftaran kursus** masing-masing selepas **status** memaparkan **"Section Changed"**.
7. Sebarang **pertukaran seksyen (section)** adalah **diluluskan secara automatik**. Walau bagaimanapun, bagi proses **penambahan (insert)** dan **pengguguran (delete)** kursus, **kelulusan** daripada **Penasihat Akademik** adalah diperlukan.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Kerjasama dan perhatian semua mahasiswa amat dihargai dalam memastikan segala urusan berkaitan pindaan pendaftaran kursus ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“TRANSFORMASI MAHASISWA”

Jabatan Komunikasi, Media dan Strategi
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia
Sesi 2025/2026

30 Mac 2026